

Analisis Laporan Akhbar Isu 1MDB dari Sudut Pragmatik

Nurerma Aida Abdul Rahmanⁱ & Hasmidar Hassanⁱⁱ

ⁱ (Pengarang Bersama). Pelajar, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. ermaerda95@gmail.com,

ⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. hasmidar@um.edu.my

Abstrak

Media massa merupakan salah satu saluran yang menyediakan pelbagai maklumat kepada masyarakat. Media massa seperti surat khabar terbukti mempunyai pengaruh yang besar untuk mengubah persepsi masyarakat. Dalam konteks media surat khabar di Malaysia, pelaporan surat khabar arus perdana bukan sahaja melaporkan berita am malahan turut menjadi lidah kerajaan dalam melaporkan berita politik semasa. Surat khabar arus perdana sering dilabelkan sebagai pro-kerajaan dan pelaporan berita surat khabar ini dikawal ketat kerana pemilikan saham syarikat akhbar ini dikatakan dikuasai oleh proksi parti politik yang memerintah ketika itu (kerajaan BN). Atas alasan ini maka kajian ini dijalankan bagi memperlihatkan kecenderungan laporan akhbar-akhbar arus perdana ini dalam melaporkan isu-isu 1MDB sebelum dan selepas pilihan raya umum ke-14. Untuk tujuan tersebut, kajian ini memanfaatkan teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995) bagi mencungkil ketersiratan makna dan kecenderungan pelaporan akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* tentang isu 1MDB tersebut. Data kajian ini dikutip dari tahun 2016 hinggalah 2019. Kajian ini dijangkakan dapat memperlihatkan kecenderungan akhbar arus perdana ini dalam pelaporan isu 1MDB khususnya sebelum dan selepas PRU ke-14 berdasarkan bentuk-bentuk linguistik yang menjadi input bagi analisis pragmatik yang terdapat dalam laporan akhbar tersebut. Teori ini dapat menjelaskan cara mana setiap input pada peringkat semantik dapat diinterpretasikan bagi mencungkil maksud tersirat penulis yang mewakili akhbar arus perdana tersebut.

Kata kunci : *akhbar, kecenderungan, pragmatik, ketersiratan makna, teori Relevans*

1.0 PENDAHULUAN

Akhbar mempunyai tanggungjawab yang besar dari segi penyampaian berita dan menyampaikan kebenaran kepada masyarakat. Menurut Chamil (2008), berita merupakan laporan yang berasaskan fakta (mempunyai fakta; bukan rekaan atau dongengan), baharu dan menarik minat khalayak untuk membaca. Laporan atau rencana yang diterbitkan juga perlu bersifat positif, tidak berat sebelah, dan membina untuk mengelakkan berlakunya sebarang kemusykilan dalam kalangan rakyat. Wartawan atau editor juga memainkan peranan dalam membentuk pemikiran, pendapat, persepsi terhadap sesuatu isu sama ada baik atau buruk. Menurut Sarimah dan Hamedi (2011), kepentingan akhbar masih tidak boleh diabaikan walaupun kini akhbar telah bersaing dengan media baru. Persaingan yang sengit ini menjadikan setiap penulisan akhbar perlu menghasilkan kandungan yang sarat dengan fakta, cara penyampaian yang baik dan mudah difahami serta susun atur yang menarik bagi menawan pihak pembaca.

Kini, media kelihatan berlumba-lumba melaporkan isu politik khususnya selepas kejatuhan kerajaan Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum (PRU) yang ke-14. Pihak media begitu ghairah melaporkan kontrovesi-kontrovesi yang melibatkan agama, bangsa dan politik yang dijadikan agenda dan propaganda oleh parti-politik yang wujud di Malaysia. Isu-isu ini sangat menarik perhatian masyarakat hari ini. J.C Merrill (1997) mengakui bahawa kebanyakan pemimpin dan kerajaan di dunia mementingkan kestabilan dan penguasaan politik. Mereka juga menyedari bahawa kebebasan yang luas pada akhbar boleh membahayakan status-quo dan penguasaan golongan elit tertentu dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, mereka lebih cenderung untuk mengawal pergerakan akhbar tersebut. Dalam konteks negara Malaysia, keputusan PRU yang ke-14 yang lepas menyaksikan Pakatan Harapan telah membentuk sebuah kerajaan untuk memerintah Malaysia. Sebelum ini, isu-isu yang besar kurang diberikan perhatian dan ulasan daripada pihak media misalnya yang isu melibatkan kepimpinan pentadbiran kerajaan terdahulu, tetapi kini isu berkaitan syarikat 1 Malaysia Development Bhd (1MDB) merupakan isu yang hangat dibincangkan selepas kejatuhan kerajaan Barisan Nasional.

Hal politik kian menarik perhatian masyarakat kerana masyarakat menantikan perubahan dan pembaharuan daripada kerajaan Pakatan Harapan. Rakyat juga tertunggu-tunggu berita daripada kerajaan baru ini mengenai isu 1MDB. Akhbar sekali lagi dilihat memainkan peranan yang penting untuk menyampaikan isu-isu seperti ini kepada rakyat Malaysia. Memandangkan pemerintahan Malaysia dipimpin oleh Pakatan Harapan, pihak media dilihat semakin berani untuk melaporkan isu 1MDB tidak seperti sebelum ini semasa di bawah pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana ia melibatkan pemerintah-pemerintah parti kerajaan BN itu sendiri. Justeru, untuk memperlihatkan bagaimana isu 1MDB ini dilaporkan dan diulas oleh surat khabar bahasa Melayu tempatan, maka kajian ini diketengahkan untuk menjawab persoalan kajian ini yang berkaitan dengan pelaporan isu-isu 1MDB. Isu 1MDB yang dilaporkan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian akan dianalisis berdasarkan pendekatan pragmatik iaitu dengan menekankan elemen konteks dan bukan linguistik untuk menganalisis ujaran laporan surat khabar ini.

1.1 Permasalahan Kajian

Dalam konteks surat khabar di Malaysia, hampir kesemua akhbar arus perdana dilabel sebagai pro-kerajaan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei lalu dan bukanlah suatu rahsia lagi bahawa akhbar arus perdana dimiliki oleh parti pemerintah. Penentang kerajaan ketika itu, secara spesifik memboikot membeli atau membaca akhbar yang tidak memberikan ruang kepada mereka. Penyiaran berita dan akhbar bukan sahaja telah dikawal ketat malahan oleh Akta Penerbitan dan Mesin Cetak atau Akta Anti Berita Palsu, malahan ia juga melibatkan penguasaan parti politik pemerintah ke atas pemilikan saham syarikat media berserta arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa pihak tertentu yang mempunyai tujuan tertentu (Abdul Latif Abu Bakar, 1998).

Dalam hal ini, wartawan tidak bebas untuk melaporkan berita atau isu politik yang melibatkan salah laku individu ataupun parti pemerintah sedangkan seseorang wartawan haruslah menjadi seorang pengamal media yang telus, berdedikasi, mematuhi etika kewartawanan dan adil dalam menyampaikan sebarang berita kepada masyarakat. Para wartawan juga perlu bertindak dengan kefahaman untuk membina, positif serta bermaruah berdasarkan panduan dan kebijaksanaan tempatan serta berjiwa negara. Wartawan juga tidak perlu menjadi pengadu domba yang memesongkan fakta sehingga boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat, agama dan bangsa. Menurut Salleh Keruak (News Straits Times, 4 Ogos, 2015) isu 1MDB ialah cetusan pembangkang dan pihak luar melalui portal Malaysiakini, *Malaysian Insider* dan *Sarawak Report*. Hal ini dilakukan bertujuan memburukkan imej pemimpin negara dengan harapan rakyat akan melakukan protes terhadap kerajaan melalui tunjuk perasaan dan demonstrasi. Menurutnya lagi, laporan berita yang tidak sahih mampu menjejaskan keselamatan negara dan juga kepercayaan negara luar kepada pemimpin negara. Bagi menilai ketelusan dan kecenderungan pelaporan akhbar-akhbar bahasa Melayu di Malaysia dalam menyampaikan dan melaporkan sesuatu isu, maka kajian ini diketengahkan untuk mengkaji dengan lebih terperinci hal ini. Untuk lampiran analisis pengkaji menunjukkan pelaporan isu 1MDB kerana isu ini telah menjadi isu yang hangat dibincangkan atau dilaporkan sebaik sahaja kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran Malaysia. Pelaporan isu 1MDB ini akan dianalisis dari sudut pragmatik khususnya dengan menggunakan teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995).

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti bentuk-bentuk pelaporan berkaitan 1MDB yang terdapat dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian.
- ii. Menganalisis maksud tersirat pelaporan 1MDB dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian.
- iii. Mengkategorikan ujaran tersebut mengikut tujuan tertentu.

1.3 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini akan memfokuskan tajuk-tajuk dan laporan akhbar yang mengulas isu 1MDB. Tumpuan khusus diberikan pada pelaporan akhbar berbahasa Melayu iaitu Utusan Malaysia dan Berita Harian selepas kejatuhan kerajaan Barisan Nasional. Hal ini demikian kerana isu 1MDB ternyata diulas dan dilaporkan dengan lebih meluas hanya selepas kerajaan Pakatan Harapan, iaitu setelah 60 tahun Barisan Nasional memimpin Malaysia. Pelaporan kedua-dua akhbar tersebut berkaitan isu 1MDB ini seterusnya dianalisis dengan menggunakan teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber & Wilson (1995).

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaluddin (2014), yang bertajuk 'Mengalami Dan Menghayati Makna Kemiskinan Melalui Bahasa' yang bertujuan untuk melihat pengalaman mengalami kemiskinan melalui bahasa yang terkandung dalam teks yang dipilih. Analisis data kajian ini dijalankan dengan menerapkan teori Relevans (TR) yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1995). Data kajian yang dipilih ialah sembilan baris sajak 'Selemba Kamus Kemiskinan' karya Usman Awang sebagai ironi. Penerapan teori Relevans, terdapat proses menentukan kod, inferens dan andaian untuk melengkapkan pencarian makna implisit yang terdapat dalam teks tersebut. Dapatan kajian menunjukkan penerapan teori Relevans membolehkan pembaca dapat merasai dan menginterpretasi emosi yang disampaikan melalui ayat puitis tersebut. Analisis kajian ini juga mendapati bahawa kesengsaraan hidup dalam kemiskinan bukan sahaja dapat diketahui melalui penglihatan malahan melalui pembacaan juga.

Seterusnya, kajian lain yang dilakukan oleh Mary Fatimah Subet (2015) iaitu terhadap sajak "Pelacur Tua" Karya Usman Awang menganalisis dengan menggunakan Teori Relevans juga. Kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk mengetahui makna tersirat yang terkandung dalam unsur-unsur figuratif yang digunakan oleh penulis dalam karya sajak "Pelacur Tua". Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bahasa figuratif yang digunakan oleh Usman Awang merangkumi pelbagai bentuk bahasa yang digunakan dalam karya beliau, antaranya personifikasi, hiperbola dan ironi. Penggunaan pelbagai gabungan bahasa figuratif dalam sajak ini masih mampu difahami oleh khalayak pembaca walaupun berselindung di sebalik makna eksplisitnya. Bahasa figuratif yang dikaji ini mengandungi rahsia perasaan seorang pelacur dan juga perasaan dan pandangan masyarakat umum terhadap golongan pelacur. Kajian ini telah memaparkan pembuktian secara lebih saintifik terhadap pelbagai perasaan itu yang dikemukakan daripada pernyataan umum.

Kajian tentang 'Implikatur Dalam Kes Pembunuhan Norita: Analisis Teori Relevans' yang dijalankan oleh Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin (2013) telah merungkai keraguan yang terkandung dalam dialog perbincangan mahkamah bagi kes pembunuhan Norita melalui sudut pandangan semantik dan pragmatik. Kajian ini telah menerapkan Teori Relevans untuk penganalisisan data. Pengaplikasian teori ini ialah kaedah yang bersesuaian bagi meneroka kerelevanan sesuatu ujaran itu khususnya bagi ungkapan berimplikatur. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kajian teks, iaitu menganalisis data sekunder daripada bahan bercetak yang diperolehi daripada laporan akhbar di laman sesawang. Analisis kajian mendapati bahawa terdapat dialog yang menimbulkan keraguan daripada keterangan saksi dan akhirnya tertuduh berjaya dibebaskan daripada disabitkan kesalahan. Penerapan Teori Relevans dalam kajian ini juga mampu merungkai keraguan dan ketesiratan makna di sebalik kenyataan yang diberikan, walaupun dapatan kajian menunjukkan terdapat percanggahan dan kecanggungan maklumat yang diberikan oleh saksi.

Kajian yang seterusnya berkaitan 'Keharmonian kaum dalam ucapan Tunku Abdul Rahman' dikaji oleh Wong Shia Ho (2013). Tujuan kajian adalah untuk menganalisis makna ujaran implisit dalam ucapan dan penggunaan unsur implisit dalam penyampaian persoalan keharmonian kaum dengan menggunakan Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber & Wilson (1995). Menurut Sperber & Wilson (1995), pragmatik memainkan peranan yang sangat penting

dalam komunikasi lisan. Selain kod yang digunakan, proses inferens untuk memahami ujaran juga patut diambil kira. Data kajian ini menggunakan korpus teks ucapan Tunku yang bertajuk 'Ucapan Ketua Menteri Mengenai Keharmonian Antara Kaum di Melaka pada 16 Februari 1957' yang diperoleh daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia. Hasil kajian tersebut menunjukkan penggunaan TR mengambil kira kod, inferens dan andaian di samping menekankan peranan konteks, kesan konteks dan usaha proses dalam menginterpretasi ujaran implisit telah membolehkan pendengar mendapatkan makna yang sebenar. Apabila makna ujaran yang implisit mampu diterokai, maka pemikiran Tunku berkaitan dengan keharmonian kaum telah dapat difahami oleh pendengar khususnya sebab dan kesan buruk jika tiada keharmonian kaum di negara ini.

Seterusnya, kajian Hasmidar Hassan (2017) yang bertajuk 'Hubungan Prinsip Relevans Komunikatif dengan Kognitif Masyarakat Melayu dalam Penghasilan Bahasa Pantang Larang. Satu Analisis Pragmatik' turut memanfaatkan teori Relevans yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson (1995) dengan mengkhususkan dua prinsip utama iaitu Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis penggunaan bahasa pantang larang dan fungsinya terhadap masyarakat. Data kajian ini dipetik daripada buku "Pantang Larang Orang Melayu Tradisional" karya Wan Ramli Wan Muhammad (1999) dan pengkaji telah memilih tiga bahasa pantang larang untuk dianalisis. Melalui penerapan dua prinsip relevans tersebut, kajian mendapati penutur Melayu yang bermatlamatkan maklumat yang disampaikan dapat difahami, menggunakan bahasa pantang larang untuk kesan kognitif yang dihajati tercapai. Penggunaan bahasa pantang larang ini yang bersandarkan sesuatu objek dan peristiwa yang otensif dapat menarik perhatian pendengar dan mampu meninggalkan kesan kognitif yang tinggi.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan teori Relevans yang dipelopori oleh Sperber & Wilson (1986,1995). Data kajian adalah paparan tajuk-tajuk laporan akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* mengenai isu 1MDB secara atas talian. Laporan akhbar yang dipilih mengenai isu-isu 1MDB iaitu melibatkan tempoh sebelum dan selepas Pakatan Harapan memegang pentadbiran Malaysia. Laporan akhbar tersebut diperoleh daripada laman sesawang rasmi *Utusan Online* dan *BH Online* bagi mengumpul data-data yang bersesuaian untuk dianalisis. Data yang terkumpul adalah sebanyak 10 laporan akhbar sepanjang tempoh bagi 2016/2017 dan sebanyak 15 laporan akhbar bagi tempoh 2018/2019. Kedua-dua akhbar iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* dipilih sebagai sumber data utama kajian kerana akhbar ini masih menjadi pilihan masyarakat mempunyai jualan tertinggi dalam kalangan akhbar berbahasa Melayu. Oleh itu, kecenderungan laporan kedua-dua akhbar ini dapat dilihat dalam menyampaikan satu isu dengan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu pemerhatian penyelidikan bersumberkan bahan bercetak seperti akhbar dan bersifat deskriptif iaitu dengan cara menginterpretasikan dan menghuraikan makna dalam sesuatu proses komunikasi. Selain itu, kaedah analisis teks turut diaplikasikan untuk menerangkan kandungan, struktur dan fungsi mesej yang terkandung dalam teks. Analisis teks juga mementingkan pemilihan jenis teks, cara memperoleh teks yang sesuai dan menentukan pendekatan tertentu dalam menganalisis teks yang terlibat untuk menerangkan kandungan, struktur dan fungsi mesej yang terkandung dalam teks.

Justeru, penggunaan teori Relevans ini bersesuaian dengan kajian yang akan dilakukan. Penerapan teori ini penting membantu pembaca menginterpretasikan satu ujaran dengan betul. Ujaran yang implisit atau cara mana satu ujaran harus diinterpretasikan dalam konteks kajian ini atau dokumen yang digunakan ialah pelaporan akhbar dalam *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Tanpa teori ini, sesuatu ujaran yang mengandungi unsur-unsur yang tersirat itu sukar untuk ditafsirkan dan difahami oleh pembaca.

4.0 TEORI KAJIAN

Kajian ini akan mengaplikasikan teori Relevans yang digagaskan Sperber & Wilson pada tahun 1986 dan diperkembangkan pada tahun 1995. Menurut Blakemore (1992) (dlm. Hasmidar Hassan (2009:90)), teori ini merupakan pendekatan terhadap komunikasi dan pemahaman ujaran yang didasari oleh huraian asas bahawa komunikasi manusia terletak pada notasi relevans yang didasari oleh pandangan umum tentang kognisi manusia. Teori Relevans juga bersandarkan wawasan bahawa perkara yang difokuskan dalam ujaran ialah kerelevanannya dan bukan kebenarannya yang mutlak. Hal ini jelas dapat dilihat dalam petikan berikut:

Human tend to pay attention to the most relevant phenomena available: that they tend to construct the most relevant possible representations of these phenomena, and to proces them in a context that maximise their relevance. Relevance, and the maximisation of relevance is the key to human cognition.

(Sperber & Wilson, 1986:12)

Teori Relevans merupakan satu teori komunikasi yang diperkenalkan oleh Sperber & Wilson (dlm. Gutt (1991)) bagi menggantikan teori yang diasaskan oleh Grice melalui buku mereka iaitu, 'Relevance Communication and Cognition'. Teori ini merupakan tindak balas maksim kerjasama yang diutarakan oleh Grice (dlm. Nor Hashimah (2003)). Matlamat teori ini ialah menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran ataupun maklumat. Menurut teori ini, dalam usaha memproses ujaran, pendengar berusaha untuk mencapai interpretasi yang relevans secara optimum dan setiap interpretasi yang optimum mestilah mencapai kesan kognitif yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih (dianggap sebagai kos memproses) untuk mencapai kesan yang dimaksudkan (Hasmidar Hassan, 2016).

Relevans yang optimum pula bermaksud pendengar akan memproses sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input kepada proses kognitif yang mungkin relevans pada seseorang individu pada suatu masa tertentu. Kesemua input yang relevans secara maksimum akan dikaitkan dengan maklumat latar belakang seseorang individu dan berdasarkan syarat teori Relevans, sesuatu input adalah relevans pada seseorang individu apabila pemrosesan input ini dalam konteks andaian yang ada menghasilkan kesan kognitif yang positif (Sperber & Wilson, 2002).

Kesan kognitif yang paling penting yang dicapai melalui pemrosesan input dalam konteks ialah implikasi konteks, iaitu suatu kesimpulan yang dibuat berdasarkan gabungan anantara input dengan konteks dan bukannya daripada input atau konteks sahaja. Terdapat tiga cara maklumat baharu yang menjadi input dapat dikaitkan dengan andaian konteks sedia ada untuk mencapai kesan kognitif, iaitu dengan melalui penggabungan, pengukuhan andaian sedia ada dan pertentangan dan pengguguran andaian sedia ada.

5.0 HASIL DAPATAN KAJIAN

5.1 Analisis Data Sebelum Pemerintahan Pakatan Harapan

Data yang akan dianalisis ialah ayat-ayat penyata yang mewakili kenyataan laporan akhbar *Utusan Malaysia* (selepas ini disebut UM) dan *Berita Harian* (selepas ini disebut BH), tetapi bahagian-bahagian yang memetik dialog ataupun kenyataan yang disampaikan oleh individu-individu yang berkaitan dalam isu 1MDB tidak akan dianalisis. Sebagai contoh, iaitu bahagian yang dihitamkan dalam Data 1 dibawah ialah bahagian yang akan dianalisis, manakala bahagian yang tidak ditanda hitam ialah bahagian-bahagian yang diabaikan kerana ia merujuk petikan langsung atau kata-kata individu yang dimaksudkan oleh laporan tersebut. Ujaran/ayat ini tidak dikaji kerana ia tidak mewakili pandangan *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*.

Jadual 1: Analisis Tajuk dan Kandungan Laporan Akhbar

Data	UTUSAN MALAYSIA	BERITA HARIAN
1.	<p>Siasatan 1MDB: Peguam Negara Switzerland tegaskan Najib bukan tertuduh.</p> <p>KUALA LUMPUR 2 Feb. - Pejabat Peguam Negara (OAG) Switzerland menjelaskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bukan antara individu yang dituduh melakukan kesalahan dalam siasatan terhadap dakwaan kononnya berlaku penyelewengan dana berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).</p> <p>Minggu lepas, Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali membersihkan Najib daripada apa-apa kesalahan berkaitan siasatan ke atas bekas anak syarikat 1MDB, SRC International Sdn Bhd dan RM2.6 bilion yang didakwa telah didepositkan ke dalam akaun bank Perdana Menteri.</p>	<p>Najib bukan individu disiasat Pejabat Peguam Negara Switzerland.</p> <p>KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bukan antara individu yang disyaki terbabit dalam penyelewengan dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebanyak AS\$4 bilion (RM16.6 bilion), kata Pejabat Peguam Negara Switzerland.</p> <p>Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, <i>dilaporkan</i> berkata beliau sudah mengarahkan ketiga-tiga kertas siasatan berkenaan ditutup atau NFA/KUS, bermakna tiada tindakan lanjut (NFA)/kemas untuk simpan (KUS).</p>

6.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan Data 1, akhbar UM didapati menggunakan frasa atau ujaran 'tegaskan Najib bukan tertuduh' dan 'kononnya' manakala akhbar BH menggunakan 'Najib bukan individu disiasat' dan 'yang disyaki'. Penggunaan frasa atau ungkapan ini sebenarnya berpotensi mengimplikasikan maksud yang tertentu kepada pembaca. Frasa 'tegaskan' dalam ujaran 'tegaskan Najib bukan tertuduh' (UM) misalnya bermaksud 1. mengatakan dgn tegas, dan 2. memberi ketentuan, memastikan, membenarkan (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=menegaskan&d=158212&#LIHATSINI>). Penggunaan frasa 'tegaskan' ini sebenarnya dapat menunjukkan perbezaan yang nyata dari segi pelaporannya daripada pelaporan BH yang tidak menggunakan apa-apa bentuk kata kerja bagi menyatakan maksud yang sama, iaitu 'Najib bukan individu disiasat'. Berdasarkan penggunaan frasa 'tegaskan', UM cuba menarik perhatian pembaca tentang ketegasan maklumat yang disampaikan oleh Peguam Negara Switzerland. Dengan kata lain, Peguam Negara menafikan dengan tegas bahawa Najib bukan tertuduh. Hal ini tidak kelihatan dalam laporan BH yang hanya menggunakan ujaran 'Najib bukan individu disiasat'. Tiada klu tambahan atau apa-apa bentuk penegasan yang diberikan dalam ujaran ini oleh BH bagi menyatakan maksud yang sama seperti yang terdapat dalam ujaran dalam UM. Sekiranya perkataan 'tegaskan' digantikan dengan frasa 'katakan', ia menjadikan ayat ini sebagai 'Peguam Negara Switzerland katakan Najib bukan tertuduh' maka kesannya sudah berubah daripada ayat asal. Penggunaan kata '**tegaskan**' dalam 'Peguam Negara Switzerland tegaskan Najib bukan tertuduh' sebenarnya mempunyai tujuan yang tertentu untuk menyampaikan maksud tertentu. Dari sudut teori Relevans, perkataan 'tegaskan' ini merupakan merupakan makna prosedur atau klu yang memandu pembaca untuk memahami ujaran ini seperti yang dikehendaki oleh penulis laporan tersebut. Perkataan 'tegaskan' tersebut telah menyampaikan makna yang jelas, terang atau mengatakan dengan tegas mengenai sesuatu perkara. Perkara ini menyebabkan pembaca akan memahami ujaran ini sebagai Peguam Negara juga telah memberikan sesuatu kenyataan yang bersifat tegas. Hal ini jelas berbeza dengan kenyataan dalam tajuk BH yang melaporkan hal yang sama dengan ayat 'Najib bukan individu disiasat Pejabat Peguam Negara Switzerland'. Secara relatifnya, ayat yang digunakan BH bersifat langsung dan tiada klu tambahan seperti kata 'tegaskan' dan tidak juga menggunakan 'Peguam Negara Switzerland' sebaliknya 'Pejabat Peguam Negara Switzerland'. Penggunaan

'Pejabat Peguam Negara Switzerland' juga memberikan implikasi bahawa kenyataan itu bukanlah daripada 'Peguam Negara Switzerland' secara langsung.

Seterusnya UM menggunakan frasa 'bukan tertuduh', yang menggunakan kata nafi 'bukan' untuk tujuan menafikan sesuatu. Perkataan 'tertuduh' yang terdapat dalam tajuk akhbar UM memberikan maksud Najib orang yang disangka melakukan sesuatu yg melanggar undang-undang; didakwa (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tuduh>) dan hal ini dinafikan oleh kata nafi 'bukan'. Akhbar BH pula menggunakan bentuk 'Najib bukan individu disiasat' yang memberikan maksud Najib bukanlah individu yang kena siasat. Dalam hal ini, tajuk akhbar UM kelihatan telah memberikan satu klu yang dapat mempengaruhi pembaca untuk memahami ujaran ini sebagai 'Najib bukan orang yang kena tuduh' iaitu Najib bukan orang yang disangka melakukan sesuatu yg melanggar undang-undang. Dengan kata lain, Najib bersih daripada tuduhan yang dibuat. Manakala akhbar BH yang menggunakan bentuk 'Najib bukan individu disiasat' juga menggunakan kata nafi bukan bagi menafikan Najib sebagai individu yang kena siasat. Namun frasa 'siasat' tidak dapat dikaitkan dengan elemen undang-undang berdasarkan makna siasat yang diberikan sebagai pemeriksaan yg teliti dan hati-hati dan menyiasat membuat penyelidikan ttg sesuatu perkara yg belum diketahui benar-benar; menyelidik (<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=siasat>). Ertinya tiada elemen undang-undang yang dapat dikaitkan dengan frasa siasat.

Berbalik pada tajuk UM dan BH, ternyata UM telah cuba memberikan satu maklumat yang berbeza daripada BH melalui tajuk beritanya di atas dengan adanya frasa 'tegasnya'. Dengan kata lain, ayat tersebut bermaksud menafikan secara tegas bahawa Najib bukan orang yang kena tuduh (yang melanggar undang-undang) sedangkan BH hanya menggunakan bentuk yang bebas klu yang dapat dimaksudkan sebagai Najib bukan orang yang kena periksa atau kena selidik. Maksud tersirat yang cuba disampaikan UM ialah 'Peguam Negara Switzerland' dengan nada yang tegas menafikan Najib melakukan kesalahan undang-undang. Dari sudut teori Relevans, frasa 'tegasnya' dan 'bukan' merupakan klu atau maklumat prosedur yang dapat memandu pembaca untuk memahami ayat ini seperti yang dihajati oleh penulisnya. Apabila ayat ini dapat difahami dengan mudah, maka pembaca dikatakan telah mencapai kesan kognitif yang tinggi kerana kos memproses ayat ini rendah. Secara tidak langsung pembaca dikatakan mencapai relevans yang optimum.

Frasa seterusnya yang dianalisis ialah 'kononnya' yang digunakan UM seperti berikut: '...Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bukan antara individu yang dituduh melakukan kesalahan dalam siasatan terhadap dakwaan kononnya berlaku penyelewengan dana berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB)'. Frasa ini dipilih untuk dianalisis kerana ia bersifat konotatif (implikatur) jika dibandingkan dengan kata atau frasa lain yang bersifat literal. Hal ini jelas berdasarkan makna kamus yang diperoleh yang menghuraikan 'konon' yang bermaksud 1. kata utk menyatakan perasaan ingin tahu, **gerangan**, agaknya: 2. katanya, kata orang, menurut khabar: 3. **agaknya (begitu), rasanya (begitu), barangkali (begitu)**, 4. **kata utk menyatakan sindiran atau ejekan**, seolah-olah, lakunya: 5. mengonon, memperkonon, memperkononkan memperdayakan, memperolokkan, mempermainkan (dgn kata-kata yg bukan-bukan dsb) (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=konon>). Dengan kata lain, frasa ini mendukung beberapa komponen makna dan apabila kata 'konon' digantikan dengan makna kamus yang paling dekat dengan maksud asal maka ayat yang terbentuk adalah seperti berikut :

- i) '...Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bukan antara individu yang dituduh melakukan kesalahan dalam siasatan terhadap dakwaan **kononnya** berlaku penyelewengan dana berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB)'.
- ii) '...bukan antara individu yang dituduh dalam siasatan terhadap dakwaan [**agaknya (begitu), rasanya (begitu), barangkali (begitu)**, seolah-olah] berlaku penyelewengan dana berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB)'.

Dapat diperhatikan bahawa kata 'konon' ini juga mempunyai fungsi yang tertentu iaitu kata untuk menyatakan sindiran atau ejekan. Dengan kata lain, penggunaan frasa 'konon' ini bukanlah digunakan oleh penulis dengan sewenang-wenangnya sebaliknya mempunyai tujuan yang tertentu iaitu untuk memberikan maksud dakwaan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak melakukan kesalahan penyelewengan dana berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah satu **ketidakpastian [agaknyanya = barangkali]**. Ia bukanlah satu dakwaan yang pasti dan hanyalah satu olokan. Maksud inilah yang cuba disampaikan penulis akhbar ini dan harus difahami oleh pembaca seperti yang dimaksudkan juga. Secara tidak langsung, penggunaan frasa konon ini bukan sahaja menjadi klu atau maklumat prosedur bagi membolehkan pembaca memahami dan menginterpretasikan ujaran yang disampaikan penulis malahan frasa ini juga merupakan bentuk yang ostensif yang menyampaikan relevans yang optimum. Hal ini demikian kerana pembaca akan dapat mencapai kesan kognitif yang tinggi kerana usaha memproses ayat atau ujaran ini adalah rendah dengan adanya maklumat prosedur tersebut.

Andaikan ayat di atas disalin semula tanpa menggunakan frasa 'konon' maka kesannya akan menjadi berbeza pada pembaca. Contohnya :

- i) '...Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak bukan antara individu yang dituduh melakukan kesalahan dalam siasatan terhadap dakwaan Ø berlaku penyelewengan dana berkaitan 1Malaysia Development Berhad (1MDB)".

Ayat ini jelas sekali tidak memberikan kesan yang sama dengan ayat asal kerana frasa 'konon' digugurkan. Tanpa frasa 'konon', laporan ini jelas kelihatan tidak dipengaruhi oleh mood /nilai / pandangan penulis. Bagi menyampaikan berita yang sama, pelaporan BH didapati menggunakan ayat seperti berikut : "Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, bukan antara individu yang disyaki terbabit dalam penyelewengan dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebanyak AS\$4 bilion (RM16.6 bilion), kata Pejabat Peguam Negara Switzerland". Tiada kod /klu seperti frasa 'kononnya' digunakan dalam pelaporan BH. Yang berbeza hanyalah penggunaan frasa 'disyaki', dibandingkan dengan 'dituduh' oleh UM. Mengikut Kamus Dewan 'disyaki' membawa maksud sangsi, waswas, kurang percaya, curiga; walang susah hati, khuatir; mengesyaki 1. menaruh syak pd, berasa sangsi pd, mencurigai: 2. menyangka, menduga (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=syak>). Berdasarkan makna kamus yang diberikan, maka 'disyaki' dalam ayat di atas dapat dikatakan bermaksud "Datuk Seri Najib Razak, bukan antara individu yang disangsi/dicurigai/disangka terbabit dalam penyelewengan dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebanyak AS\$4 bilion (RM16.6 bilion), kata Pejabat Peguam Negara Switzerland". Pelaporan ini jelas tidak memberikan pandangan lain selain menyatakan bahawa "Datuk Seri Najib Razak, bukan antara individu yang disangsi/dicurigai/disangka...".

Jika diperhatikan, frasa 'kononnya' yang disisipkan dalam laporan UM hanyalah satu perkataan yang mungkin tidak diberikan tumpuan oleh pembaca, namun kesannya dari segi maksud yang ingin disampaikan penulis ini cukup besar implikasinya terhadap penginterpretasian maksud sebenar yang ingin disampaikan dan kecenderungan penulis UM ini. Frasa ini mempunyai nilai yang sangat tinggi dalam komunikasi untuk membolehkan pembaca membuat kesimpulan tentang sesuatu ayat/ujaran dengan betul. Dari sudut teori Relevans, maksud laporan ini dapat diinterpretasikan dengan mudah kerana adanya klu ataupun maklumat prosedur yang diberikan oleh penulis akhbar ini. Ia bukan sahaja memudahkan penginterpretasian ayat /laporan ini malahan mencerminkan pandangan/mood penulis terhadap isu ini. Sebagai pembaca yang mempunyai pengetahuan yang sama [*mutual knowledge*] dengan penulis tentang isu 1MDB, maka ujaran ini merupakan rangsangan yang optimum untuk diinterpretasikan oleh pembaca.

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaporan akhbar UM dan BH ternyata mempunyai cara penyampaian yang berbeza berdasarkan penggunaan kata/frasanya. Pemilihan kata/frasa ini bukan sahaja menjadi klu ataupun maklumat prosedur untuk memudahkan pembaca menginterpretasikan maklumat yang disampaikan malahan pemilihan kata ini juga memberikan implikasi dan menggambarkan kecenderungan/ nilai/ pandangan penulis terhadap isu tersebut. Dengan menggunakan teori Relevans, maksud ayat yang tersirat yang disampaikan dapat diinterpretasikan dengan mudah dengan ada klu/maklumat prosedur. Perkataan/frasa yang dikenal pasti ini menjadi satu perwakilan maklumat ataupun inferens yang dapat memandu pembaca untuk memahami maklumat yang disampaikan dan mencapai kesan kognitif tinggi seperti yang diharapkan oleh penulis.

RUJUKAN

- Abdul Latiff Bakar. (1998). *Peranan Media dalam Pilihan Raya Persekutuan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). *Implikatur pembunuhan Norita: Analisis Teori Relevans*. Jurnal bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Dicapai dari <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/08/2-Implikatur-dalam-Kes-Noritta.pdf>
- Hasmidar Hassan. (2017). *Hubungan Prinsip Relevans Komunikatif dengan Kognitif Masyarakat Melayu dalam Penghasilan bahasa Pantang Larang. Satu Analisis Pragmatik*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan 24-25 Mei 2017. Kota Kinabalu Sabah.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Fatimah Subet & Nor Hashimah Jalaludin. (2014). *Mengalami dan Menghayati Makna Kemiskinan melalui bahasa*. Jurnal bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Dicapai dari <http://jurnalbahasa.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2014/11/2-Kemiskinan.pdf>
- Mary Fatimah Subet. (2015). Sajak “Pelacur Tua”. Analisis Teori Relevans. Jurnal Bahasa Jilid 15 Bil. 1 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merrill, J.C. (1997). *Kewartawanan Sejagat (terjemahan Perniagaan Yamin)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1996). *Fungsi dan pola gantingama Melayu: satu interpretasi semantik dan pragmatik*. Akademia 47, Halaman 85-99.
- Norliza Abas. (22 Mei, 2018). Kebebasan Media: Akta sedia ada yang bertindih akan disemak. *Utusan Online*. Dicapai dari www.utusan.com.my/berita/politik/kebebasan-media-akta-sedia-ada-yang-bertindih-akan-disemak-1.677373
- Sarimah Ismail & Hamed Mohd Adnan. (2011). Profil Ruangan sukan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia, 13(2): 75-91*.
- Sharifah Nurul Huda Alkaff, James McLellan & Najib Noorashid. (2018). Analisis wacana kritis perbandingan bagi laporan berita terkini dalam dua akhbar Malaysia. *Rampak Serantau, Bil. 25,1-51*, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber & Wilson. (1995). *Relevance Communications & Cognition (Second Edition)*. United Kingdom: Blackwell Publisher Ltd.
- Sperber & Wilson. (2002). *Relevance Theory*. Dicapai dari http://www.phon.ucl.ac.uk/publication/WPL/02papers/wilson_sperber.pdf